



31 Januari 2024
31 January 2024
P.U. (A) 27

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR)
(NEGERI TERENGGANU) (PINDAAN) 2024

*WATER SERVICES INDUSTRY
(RATES FOR WATER SUPPLY SERVICES)
(STATE OF TERENGGANU) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006

PERATURAN-PERATURAN INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR
(KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR) (NEGERI TERENGGANU) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 84(2)(a) dan 179(i) Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [*Akta 655*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Terengganu) (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2024.

Penggantian Jadual Pertama

2. Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Kadar Perkhidmatan Bekalan Air) (Negeri Terengganu) 2022 [*P.U. (A) 243/2022*] dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA

[Peraturan 2]

KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR

(1) Bil.	(2) Jenis penggunaan	(3) Jumlah penggunaan	(4) Kadar setiap meter padu (RM)	(5) Kadar minimum (setiap bulan) (RM)
1.	Domestik (meter individu)	(a) 0 meter padu dan sehingga 20 meter padu	0.58	5.80
		(b) melebihi 20 meter padu dan sehingga 35 meter padu	0.83	
		(c) melebihi 35 meter padu	1.08	
2.	Domestik (meter pukal)	kadar rata	1.08	10.80
3.	Bukan domestik	(a) 0 meter padu dan sehingga 35 meter padu	1.08	15.00
		(b) melebihi 35 meter padu	1.48	
4.	Rumah ibadat dan institusi kebajikan	kadar rata	0.74	7.40
5.	Perkapalan	kadar rata	7.08	70.80

Dibuat 30 Januari 2024

[KASA.BAP.(S).700-1/1/1KLT.11; PN(PU2)660/JLD.18]

DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
Menteri Peralihan Tenaga dan
Daya Guna Awam